

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021
DIBAWAH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN				
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA				
1	E - Pembayaran Pelbagai Perkhidmatan dan Pemasaran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan hasil kerajaan; • Mempelbagaikan kaedah pembayaran dan juga mendukung ekosistem digital dunia tanpa tunai; • Memudahkan kepada orang ramai yang berurusan dengan DBP; • Menggalakkan orang ramai membeli buku terbitan DBP secara pesanan atau tempahan dalam talian (<i>online</i>). 	<p>DBP telah menaiktaraf kaedah pembayaran pelbagai perkhidmatan dan pemasaran daripada sistem konvensional kepada sistem e - pembayaran mulai 1 Julai 2020. Proses menaiktarafan ini mendapat sokongan dan kerjasama daripada Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan juga Bank Islam Brunei Berhad (BIBD). Penaiktarafan kepada sistem perkhidmatan pembayaran melalui mekanisme e - pembayaran ini dinilai tepat pada waktunya dengan mengambilkira situasi semasa, iaitu ekosistem digital yang berkembang pesat, dan rintangan pelanggan berurusan ketika pandemik COVID - 19 yang menekankan norma baharu, iaitu kepentingan penjarakan sosial, serta penghadan kapasiti ruang dalam satu - satu masa. Mekanisme e - Pembayaran Pelbagai Perkhidmatan dan Pemasaran DBP disediakan dalam tiga pilihan, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Perbankan Digital (<i>Digital Banking</i>) iaitu BIBD Nexgen Wallet 2) BIBD QuickPay 3) <i>Swipe Card</i>
2	Penempatan Kerja bagi Pemuliharaan Manuskrip Lama di Jabatan Muzium - Muzium Brunei	Pelakuan Organisasi	<p>Meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan dalam kerja pemuliharaan manuskrip bagi pegawai dan kakitangan DBP. Usaha ini sangat perlu sebagai tindakan tegas untuk usaha - usaha penyelamatan manuskrip lama simpanan DBP. Adanya usaha pemuliharaan ini akan dapat meningkatkan pemeliharaan dan pembaikan terhadap manuskrip lama. Malah, upaya ini juga merupakan satu pelan strategik untuk meningkatkan perkhidmatan dalam menyediakan sumber rujukan yang berkesan serta berkualiti kepada penyelidik, pengkaji dan peneliti khususnya serta masyarakat umumnya.</p>	<p>Inisiatif untuk melaksanakan penempatan kerja bagi Projek Pemuliharaan Manuskrip Lama ke atas pegawai dan kakitangan di Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan, DBP, merupakan satu usaha DBP untuk meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan DBP dalam kerja - kerja memulihara bahan nadir khususnya manuskrip lama kerana jabatan ini masih belum mempunyai tenaga kerja yang mahir dan memiliki pengalaman dalam bidang tersebut.</p>
3	Pengemaskinian Manual Prosedur Kerja (MPK) : Khidmat Penerbitan Buku (Proses Biasa dan Biaya Sendiri)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan manual prosedur kerja yang tepat, terperinci dan mudah difahami khususnya dalam mencapai jangka waktu dan pelaksanaannya; • Menyediakan garis panduan kepada pihak / bahagian yang berkaitan seperti hal - hal pentadbiran, pengurusan kewangan dan sebagainya; • Meningkatkan kefahaman orang ramai terhadap perkhidmatan ini melalui manual prosedur kerja yang diberigakan. 	<p>Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perancangan Buku bertanggungjawab dalam menerbitkan buku. Dua jenis perkhidmatan penerbitan buku disediakan kepada penulis, iaitu:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Khidmat Penerbitan Buku (Proses Biasa) 2) Khidmat Penerbitan Buku Biaya Sendiri <p>Melalui proses biasa, proses penerbitannya dilaksanakan secara menyeluruh dan tidak memerlukan sebarang pembayaran. Manakala biaya sendiri pula, khidmat yang mula diperkenalkan pada tahun 2018 ini hanya merangkumi sebahagian proses iaitu penilaian, penyuntingan, penyemakan, penyediaan kulit buku, penyediaan <i>International Standard Book Number</i> (ISBN) dan tawaran sebut harga.</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021
DIBAWAH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				Bayaran sebanyak BND300.00 dikenakan kepada penulis bagi khidmat profesional seperti dinyatakan.
4	Latihan Kemahiran Kerja	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> Memberi pendedahan mengenai teknik penyuntingan yang berkesan kepada peserta yang masih baru dalam bidang penyuntingan; Memberikan kefahaman kepada pembaca apabila penyunting dapat menyampaikan dalam bahasa yang jelas dan menarik; Melahirkan penyunting yang berkemahiran, berpengetahuan, dan dinamik sejajar dengan teras jabatan; Mencapai standard dan keselarasan piawai penerbitan antara penyunting DBP dengan penyunting dari jabatan - jabatan lain. 	Latihan dan bimbingan kepada penyunting dalam jabatan dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran penyunting dalam menyunting manuskrip dengan baik dan terarah. Ia juga sebagai inisiatif terancang atau satu program penyegaran yang dilaksanakan oleh organisasi untuk menggalakkan editor mempelajari serta mengetahui kaedah penyuntingan sesebuah buku. Inisiatif ini juga sebagai satu proses mendidik editor baru tentang kemahiran asas yang diperlukan dalam melaksanakan tugas. Bengkel ini menumpukan pemerolehan pengetahuan dan kemahiran jangka pendek dengan mengundang tenaga pakar sebagai pemudah cara yang dapat membekalkan idea dan pemikiran baharu atau terkini bagi memantapkan lagi kemahiran penyuntingan yang sedia ada.
5	Pengemaskinian Manual Prosedur Kerja: Khidmat Penyuntingan Luar Manuskrip Berbahasa Inggeris	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan manual prosedur kerja yang tepat, terperinci dan mudah difahami khususnya dalam mencapai jangka waktu dan pelaksanaannya; Menyediakan garis panduan kepada pihak / bahagian yang berkaitan seperti hal - hal pentadbiran, pengurusan kewangan dan sebagainya; Meningkatkan kefahaman kakitangan dalam manual prosedur kerja untuk diberigakan. 	Inisiatif untuk "Khidmat Penyuntingan Luar Manuskrip Berbahasa Inggeris" kepada penyunting luar yang berkepakaran dalam menilai dan menyunting manuskrip berbahasa Inggeris adalah bagi memastikan kualiti editorial dan penerbitan buku dapat memenuhi merit kebolehpasaran, khususnya dalam bidang - bidang tertentu, institusi pengajian tinggi, dan masyarakat pembaca. Inisiatif ini dapat dilihat sebagai satu keperluan yang perlu direalisasikan dalam menghasilkan produk yang bernilai, intelektual dan berkebolehpasaran.
JABATAN BELIA DAN SUKAN				
6	Program Penempatan Jati Diri dan Kesejahteraan Organisasi	Pelakuan Organisasi	Menerapkan nilai - nilai positif yang perlu ada dalam diri seorang pegawai dan kakitangan, memupuk sifat bertanggungjawab terhadap pegawai dan kakitangan serta memimpin organisasi dan juga meningkatkan jati diri, semangat kerja berpasukan dan setia kawan di kalangan pegawai dan kakitangan jabatan ini dari pelbagai bahagian - bahagian, unit - unit termasuk yang bertugas di cawangan JBS di daerah - daerah.	Program diadakan selama sehari bermula pukul 7 pagi hingga 6 petang bertempat di <i>Outward Bound</i> Brunei Darussalam dan diungkapkan dengan pegawai - pegawai JBS dan pelatih - pelatih <i>Outward Bound</i> Brunei (OBBD). Antaranya aktiviti - aktiviti yang terkandung di dalam program berkenaan.